



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 BILANGAN 19

RABU, 3 OCTOBER, 1962 (4 Jamadil Awal, 1382)

PERCHUMA

PERKEMBANGAN UNTUK RA'AYAT — TITAH BAGINDA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin bertitah bahawa baginda ber-sa sukachita mengetahui akan kemajuan2 yang telah di-chapai oleh kerajaan baginda mengikut perkembangan2 dunia.

Baginda penoh perchaya yang perkembangan2 itu ada-lah sa-mata2 di-tujukan atok kebajikan dan keuntongan seluruh ra'ayat bagi Negeri Brunei Darul-Salam.

Titah baginda ini telah di-sampaikan dari tahta di-Balai Pasi-ban Agong, Istana Darul Hana tatkala menyambut hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-46, pada 23 September lepas.

Dalam titah baginda yang menganalisa berbagai2 kemajuan dan kemundoran serta pengalaman2 yang telah di-alami oleh Brunei pada masa sa-tahun yang lalu, baginda mengulang sa-mula berbagai2 perkara yang terkandung dalam ucapan Menteri Besar Brunei yang telah di-sampaikan terlebih dahulu dalam istiadat sambutan hari keputeraan itu.

Kata baginda :

"Beta sangat berbesar hati mendengarkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebutkan bahawa Negeri Brunei ini telah meningkat sa-tingkat lagi dalam enyertai perubahan zaman yang berjalan dalam erti kata demokerasi ia-itu pemilikan raya yang pertama telah dapat di-adakan dengan baik dan terator dengan kejayaan.

"Yang Amat Berhormat Men-

teri Besar juga telah menyebut2 hal perkembangan politik yang baru terjagi di-Asia Tenggara ini, ia-itu dengan ada-nya Rancangan Persekutuan Melayu Raya.

"Sa-bagaimana yang telah di-ketahui," baginda menyambung titah, "bahawa rancangan Melayu Raya ada-lah sangat menarik perhatian beta, dan baharu2 ini beta telah mengishtiharkan ka-seluruh ra'ayat bahawa sa-sudah meneliti dan menimbang dengan sa-halus2-nya akan buruk-baik-nya rancangan tersebut, maka beta telah berpendapat patut-lah beta menerima rancangan itu pada dasar-nya. Beta telah menaruh keperchayaan bahawa seluruh ra'ayat beta akan faham terhadap tujuan perishti-raran beta itu.

"Dalam hal ini beta sangat sukachita mendengar atas penga-


kuan Menteri Besar beta, yang seluruh ra'ayat ada-lah menyokong akan maksud chita2 beta menerima rancangan Melayu Raya pada dasar-nya itu dan

tidak-lah ada golongan ra'ayat yang akan menentang-nya.

"Beta perchaya seluruh ra'ayat di-Negeri Brunei ini berkehendakkan kebahagiaan, kema'amoran dan keselamatan hidup pada masa ini, dan juga untuk kebajikan dan kebahagiaan dan bagi fa'edah anak chuchu kita pada masa yang akan datang," tegas baginda.

Dalam jurusan perkembangan ekonomi baginda juga telah memberi sokongan atas ucapan Menteri Besar yang mengatakan bahawa Brunei telah maju sa-

(Lihat Muka 4)



DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN SA'DUL KHAIRI WADDIN kelihatan dalam gambar ini sedang memeriksa perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-padang besar Pekan Brunei pada 23 September yang lalu.

PERSEKUTUAN MELAYU RAYA:

BRUNEI AKAN MENYERTAI SA-KIRA-NYA . . .

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei ada-lah menyokong dan akan mengambil bahagian dalam rancangan pembentokan Persekutuan Melayu Raya jika sakira-nya syarat2 untuk mengambil bahagian dalam rancangan itu memuaskan. Demikian kata Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un pada masa beliau balek dari Kuala Lumpur pada hari Sabtu lepas sa-telah mengetuai sa-rombongan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei dalam perundingan sa-chara tidak rasmi dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai kemungkinan Negeri Brunei memasuki Persekutuan Melayu Raya.

Rombongan tersebut telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 24 September dan balek ka Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Anggota2 rombongan tersebut ia-lah Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un (Ketua Rombongan), Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji

Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (Timbalan Menteri Besar Brunei), Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim (Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei), Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Muhammad (Pengawal Talikom Negara),

Yang Berhormat Inche Saleh bin Haji Masri (Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei) dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar (Pengaruh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang juga menjadi Setia Usaha kapada rombongan itu).

Rombongan itu telah di-sertai oleh Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain dan Yang Mulia Dato Paduka Neil Lawson sa-bagai Penasehat2 Undang2 kapada rombongan tersebut.

Berhubung dengan perkara Persekutuan Melayu Raya, Yang Amat Berhormat Dato Setia

Marsal menegaskan bahawa ketika ini belum-lah lagi sampai masa-nya untuk menyatakan yang sa-barang persetujuan telah terchapai tentang bentok perhentuman Negeri Brunei dengan Persekutuan Melayu Raya.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal menambah-kata bahawa rombongan dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam perundingan tersebut, tidak-lah berkuasa untuk membuat keputusan kerana perkara itu hanya akan dapat di-tentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-telah Baginda di-nasehatkan.

SAMBUTAN2 HARI JADI D.Y.M.M. DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 di-seluruh Negeri Brunei telah bergembira dan bersuka ria pada masa di-adakan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin kali yang ka-empat puluh enam baharu2 ini.

Berbagai2 achara sambutan telah di-laksanakan dengan meriahnya, di-Daerah2 Brunei, Belait, Tutong dan Temburong sa-lama beberapa hari.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memereksa perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-padang besar di-sini pada pagi hari Ahad 23 September.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam istiadat tersebut ialah Pasokan2 Pulis Brunei, Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Jabatan Laut, Kastam Di-Raja, Bomba dan Pancharagam Pulis Brunei.

Di-ntara-nya yang hadir di-istiadat tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Haji Mohamed Hashim; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White Kerabat Di-raja, Pembesar2 Negara dan lain2-nya.

Kira2 sa-jam sa-lepas di-adakan istiadat perbarisan tersebut, satu istiadat menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia telah di-adakan di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah bertitah di-majlis itu.

Uchapan2 tahniah telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei; Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan lain2-nya.

Majlis itu di-turuti dengan istiadat mengurniakan Bintang2 Kehormatan dan Kebesaran Negeri Brunei serta pingat2 kerja lama dan lain2-nya oleh Duli Yang Maha Mulia.

Berbagai2 achara sambutan telah di-adakan di-Bandar Brunei sa-lama enam hari mulai dari 21 September.

SAMBUTAN MERIAH DI-DAERAH BELAIT

Penduduk2 di-Daerah Belait telah mengadakan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia dengan lebih meriah lagi daripada tahun2 yang lalu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sa-laku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memereksa perbarisan bagi menyambut Hari Jadi Baginda

di-padang besar Kuala Belait pada petang 24 September.

Pada malam hari tersebut telah di-adakan perarakan kerita2 berhias dan perarakan tanglong berjalan kaki dalam mana berpuluh2 pasokan telah mengambil bahagian.

Pada malam itu juga di-adakan pertunjukan bunga api dan lain2 achara yang meriah.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha

telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 dalam peraduan2 perarakan kerita berhias, perarakan tanglong berjalan kaki, peraduan pintu gerbang, peraduan berchuchul sa-baik sa-taja selesai di-adakan perarakan tersebut.

Sa-lain daripada itu, di-antara temasha yang telah di-adakan di-Daerah Belait bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia ia-lah perlumbaan perahu, pasar gembira, malam anika warna, perlakuan kerita "go-kart", perlaw-

nan bola sepak dan pesta tari menari.

Penduduk2 di-Daerah Tutong telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda dengan mengadakan berbagai2 achara yang meriah juga seperti sambutan di-lain2 daerah dalam negeri ini.


Pada petang 23 September satu perbarisan sambutan Hari Puja Usia Baginda telah di-adakan di-Pekan Tutong, manakala pada sa-belah malam pula di-adakan temasha Anika Ragam yang mengandungi persembahan lakunan pendek, lawak jenaka, tarian dan nyanyian suka ramai hingga ka-tertengahan malam.

Satu temasha perlumbaan perahu telah di-adakan di-Sungai Tutong pada sa-panjang hari Ithnin 24 September dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan orang ramai.

Pada malam itu di-adakan tayangan wayang gambar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan.

Yang Amat Mulia Pengi Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah mewakili Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-majlis istiadat perbarisan bagi menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia di-Pekan Bangar, Temburong baharu2 ini.

Achara2 yang telah di-adakan oleh penduduk2 di-Daerah Temburong bagi menyambut hari yang bersejarah itu ia-lah Malam Gembira peraduan membaca Al-Koran, peraduan sukan darat, perlawanan sepak raga jaring, perlawanan bermain gasing dan lain2 achara.



Satu pemandangan di-Bandar Brunei pada masa di-adakan istiadat perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei pada pagi 23 September, 1962.

AHLI2 BAHARU MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan telah mempersetujui atas lantekan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei seperti di-bawah ini :

Speaker : Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh.

Ahli2 atas nama jawatan : Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Haji Mohamed Hashim; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam; Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman; Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain; Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Inche M.D.B. Graham; Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan Penasehat Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji

Mohamed Salleh.

Ahli2 rasmi : Timbalan Setia Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Yang Berhormat Inche Salleh bin Haji Masri; Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki; Pegawai Kastam dan Bea, Yang Berhormat Inche Othman Chua Kwang Soon; Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dan Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Malcolm McInnes.

Ahli2 yang di-lantek : Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed bin Pengiran Piut; Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo dan Yang Berhormat Inche P.M. Linton.

Ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat : Yang Berhormat Aw: Hapidz Laksamana, Yang Berhormat Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh, Yang Berhormat Inche Mahmud bin Mohamed Salleh, Yang Berhormat Inche Othman bin Abdul Latif, Yang Berhormat Awang Tengah bin Hasip, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Mohamed Limbang, Yang Berhormat Inche Mohamed Yassin bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Inche Zaini bin Haji Ahmad. Semuanya dari Daerah Brunei.

Yang Berhormat Inche Momin bin Ahmad, Yang Berhormat Inche Ibrahim bin Ghani, Yang Berhormat Lamzi bin Idris dan Yang Berhormat Inche Deli bin Metussin. Semuanya dari Daerah Belait.

Yang Berhormat Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani, Yang Berhormat Inche Mohamed Idris bin Imam Sa'id dan Yang Berhormat Inche Abdul Wahab bin Orang Kaya Mohamed Safar. Semuanya dari Daerah Tutong dan Yang Berhormat Inche Misir bin Keruddin dari Daerah Temburong.

ISTIADAT PENGURNIAAN BINTANG2 KEBESARAN HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ada-lah antara 45 orang yang telah di-kurniai bintang2 kehormatan dan pingat2 sempena menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-46 pada 23 September lepas.

Pertunjukan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Haji Mohamed Hashim telah merasmikan pembukaan Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Pertunjukan Pertanian itu telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei serta di-lawati oleh ramai penduduk negeri ini.

PERSIDANGAN PELAJARAN

BERAKAS. — Satu rombongan tiga orang dari Brunei telah berlepas ka-Jessellton dengan kapal terbang pada pertengahan bulan yang lalu untuk menghadiri persidangan mengenai pengajaran bahasa Inggeris.

Mereka ia-lah Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm McInnes, Inche M.C. Coles dan Inche R. Yong.

Persidangan tersebut di-anjurkan oleh Kerajaan Sabah dan dihadiri oleh perwakilan dari Brunei, Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Hong Kong.

Kedua2 putera Diraja itu sekarang maseh meneruskan pelajaran mereka di-Kuala Lumpur.

Bintang2 yang telah di-kurniakan itu ia-lah D.K. (Darjah Pertama) kepada Duli Pengiran Muda Mahkota dan D.K. (Darjah Kedua) kepada adinda-nya Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Haji Hashim dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah juga di-kurniai bintang kehormatan D.K. (Darjah Kedua).

Bintang kehormatan D.P.M.B. (Darjah Kedua) telah di-kurniakan kepada :

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar ibni Al-Marhum Sultan Hashim, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khamis ibni Al-Marhum Sultan Hashim, Yang Mulia Dato Raja Haji Omar bin Chik, Yang Mulia lagi di-Hormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Mohamed Yusof bin Jawatan Dalam Haji Mohamed Hussain.

Bintang2 kehormatan S.M.B. (Darjah Ketiga) telah di-kurniakan kepada :

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu. Besar bin Duli Pengiran Bendahara Haji Hashim, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Ismail bin Duli Pengiran Bendahara Haji Hashim, Yang Mulia Haji Othman bin Haji Mohamed Said, Yang Mulia



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang mengurniakan Bintang Kebesaran D.K. (Darjah Kedua) kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Haji Mohamed Hashim di-Istana Darul Hana baharu2 ini.

Awang Besar bin Sagap dan Dr. C.J. de Silver.

Bintang kehormatan P.O.A.S. (Darjah Pertama) telah di-kurniakan kepada :

Yang Mulia Tengku Pengiran bin Tengku Haji Abdul Aziz Shah, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Yang Mulia Ibrahim bin Safar, Yang Mulia Awang Ghador bin Hussain, Yang Mulia Sheikh Mohamed Al-Johary bin Sheikh Tahir Jalaluddin, Yang Mulia Haji Ibrahim bin Haji Kassim, dan Mrs. E.E.F. Pretty.

Bintang2 kehormatan P.O.A.S. (Darjah Kedua) telah di-kurniakan kepada :

Yang Mulia Ismail bin Awang, Yang Mulia Abdul Karim bin Puteh, Yang Mulia Pengiran Ja'afar bin Pengiran Hitam, Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Ismail, Yang Mulia Awang Mohamed Yusof bin Ajak, Yang Mulia Ali Aiz Then bin Abdullah, Yang Mulia Dato Ratna Haji Mohamed Ja'afar bin Jamaluddin dan Yang Mulia Inche Ibrahim bin Ali.

Pingat Jasa Kebaktian telah di-kurniakan kepada Yang Mplia

Pengiran Haji Mohamed Daud bin Pengiran Ahmad.

Pingat Lama Berkerja telah di-kurniakan kepada :

Yang Mulia Kassim bin Haji Momin, Yang Mulia Haji Mohamed Taib bin Haji Hassan, Yang di-Hormati Pehin Khatib Haji Sulaiman bin Matyassin, Yang Mulia Pengiran Damit bin Pengiran Matserudin, Yang Mulia Kola bin Salam, Yang Mulia Pengiran Yusuf bin Pengiran Sulaiman, Yang Mulia Pengiran Chuchu bin Pengiran Duraman, Yang Mulia Haji Chuchu bin Haji Nayan, Yang Mulia Umar bin Mohammad, Yang Mulia Mohammad bin Akbar, Yang Mulia Gemok bin Serudin, Yang Mulia Ibrahim bin Hamzah, Yang Mulia Mat Yassin bin Abdullah, Yang Mulia Abdul Latiff, Yang Mulia Bakar bin Othman dan Yang Mulia Pengiran Haji Daud bin Pengiran Ahmad.

Istiadat menyampaikan bintang2 kehormatan dan pingat2 tersebut telah di-langsungkan di-Balai Pasiban Agong, Istana Darul Hana, sa-baik sahaja istiadat perbarisan Diraja telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada awal2 pagi itu.

Ahli2 U.M.N.O. Melawat Brunei

BERAKAS. — Sa-rombongan enam orang anggota2 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah tiba di-sini dari Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang hari Sabtu yang lalu untuk melawat ka-negeri ini sa-lama sa-minggu.

Anggota2 rombongan itu ia-lah Tuan Syed Ahmad Shahbuddin, Inche Mohamed Noordin Dahlan, Inche Ali Othman, Ustaz Nasaruddin bin Haji Zakaria, Inche Ghalib bin Salim dan Inche Ahmad bin Ma'un.

Mereka di-jadualkan melawat ka-kawasan padang minyak Seria pada hari Khamis 4 Oktober.

Sementara itu lima orang ahli2 Kaum Ibu UMNO Malaya telah

melawat ka-Negeri Brunei sa-lama beberapa hari baharu2 ini. Mereka telah melawat ka-Sabah pula sa-lepas lawatan ka-negeri ini.

PINTU2 GERBANG

KUALA BELAIT. — Pemegang2 peraduan pintu gerbang yang telah di-adakan di-Kuala Belait pada masa sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia bararu2 ini ada-lah saperti dibawah ini :

Pertama — Persatuan India, Kuala Belait. 2. Pegawai2 Kerajaan, Kuala Belait. 3. Persatuan Bumi Putera Belait. Hadiah khas di-menang oleh Kaum China, Kuala Belait.



Inche Awang Besar Sagap, sa-orang ahli kesenian yang terkenal di-Negeri Brunei kelihatan sedang menziarahi Duli Yang Maha Mulia sa-lepas Baginda mengurniakan Bintang S.M.B. (Darjah Ketiga) kepada beliau. Perlu di-sebutkan bahawa Inche Awang Besar Sagap ia-lah penggubah Lagu Kebangsaan Brunei serta juga lagu "Jiwa Bangsa".

TITAH BAGINDA

(Dari Muka 1)

tapak lagi ka-hadapan. Usaha2 perkembangan dalam rupa rancangan kemajuan lima tahun yang ke-2 bagi Negeri Brunei ini ada-lah berjalan dengan lancar-nya.

Baginda menyambong, bahawa dengan nasehat2 dari pakar2 ekonomi yang telah di-datangkan dari Bangsa2 Bersatu ada-lah memberi pertolongan yang baik, dan baginda perchaya yang nasehat2 dan tunjok ajar pakar2 tersebut akan merupakan satu pintu kemajuan bagi menambahkan kema'amoran bagi negeri ini.

Sa-belum menamatkan titah baginda telah menumpukan se-ruan kepada kaum tani dan ka-segenap lapisan mesharakat supaya merasai dan mengenal akan tanggung jawab masing2.


"Kapada kaum2 tani, kaum nelayan, kaum buroh, kaum majikan, pegawai2 kerajaan,

para pemimpin dan seluruh ra'ayat di-negeri ini hendak-lah merasai dan mengenal akan tanggung jawab masing2. "Dalam menempoh tanggung jawab yang berbagai chorak — senang, susah serta berjenis2 kesulitan — seluruh ra'ayat hendak-lah menempohi-nya dengan hati yang jujur untuk melaksanakan dan memboktikan akan kewajipan masing2.

"Sa-tiap ra'ayat yang menunai-kan kewajipan diri masing2 dapat-lah di-ertikan bahawa mereka telah menunaikan kewajipan terhadap bangsa, ugama dan tanah ayer mereka," tegas baginda lagi.

Terdahulu dari itu, sa-lain dari ucapan2 tahniah yang telah di-sampaikan oleh wazir2, Menteri Besar dan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris, ucapan2 keshukoran dari puak2, persatuan2 dan dari sa-genap lapisan ra'ayat di-Brunei telah juga di-sampaikan.

GAMBAR KENANGAN.



Guru2 dan Pegawai2 Ugama di-Daerah Tutong telah mengadakan satu majlis di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong baharu2 ini untuk mera'ikan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, bekas Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei yang telah di-lantik mulai dari awal bulan September yang lalu menjadi Timbalan Menteri Besar Brunei. Guru2 dan Pegawai2 Ugama tersebut kelihatan dalam gambar ini bergambar ramai dengan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali dan Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin. Dalam gambar ini juga kelihatan beberapa orang yang di-jemput khas ka-majlis itu, di-entara-nya ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohd. Yassin.

WAKIL2 "MALAYAN INDIAN CONGRESS" MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Sa-rombongan pelawat2 dari Persekutuan Tanah Melayu, mengandongi tujuh orang anggota2 pertubohan Malayan Indian Congress telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Jesselton pada petang hari Rabu yang lalu.


Rombongan itu ada-lah diketuai oleh Inche V. Manickavasagam, Menteri Muda Kementarian Buroh, Persekutuan Tanah Melayu. Anggota2-nya ia-lah Inche A. Aurasalam, Inche D.F. Dorairag, Inche R. Nadasan Chettiar, Dato Ajit Singh, Inche K.P.M. Abdul Majeed dan Inche Mahima Singh.

Mereka telah di-temui di-lapangan terbang Berakas oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang

Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman; Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim; Pesuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei, Inche Sa'ad bin Marzuki; Penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould dan Yang Dipertua Persatuan India, Brunei, Inche Kamal Marican.

Dalam masa lawatan ka-Negeri Brunei, para pelawat itu telah di-raikan di-beberapa majlis di-antara-nya ia-lah oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan Persatuan India Bandar Brunei.

Para pelawat itu telah berlepas ka-Kuching pada petang hari Jumaat yang lalu.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini pada masa Baginda memeriksa Perbarisan Hari Jadi Baginda yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada 23 September.

BALEK DARI TAHERAN

BERAKAS. — Inche Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 19 September sa-telah menghadiri persidangan mengenai kemajuan sumbar2 minyak di-Taهران, Negeri Parsi.

Persidangan itu telah di-adakan di-sana mulai dari 1 hingga 15 September dan di-hadiri oleh wakil2 dari 20 buah negara termasuk-lah Persekutuan Tanah Melayu, Hong Kong, Australia, Amerika Sharikat, Indonesia dan Burma.

Majlis Cheramah

BANDAR BRUNEI. — Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei akan mengadakan satu majlis cheramah di-Kedai Makaan Union pada malam 7 October.

Inche P.A. Coates, wakil Shariat Minyak di-Bandar Brunei akan bercheramah berkenaan dengan perusahaan minyak.

INCHE OVENS

BERAKAS. — Inche D.J. Ovens, sa-orang pakar ekonomi minyak telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada 19 September untuk mengadakan satu lawatan yang singkat.

PARAJURIT2 MENGUCHAPKAN TAHNIAH KAPADA

D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pemerentah Pasokan Askar Melayu Brunei dan semua parajurit Pasokan Askar Melayu Brunei yang pada masa ini berada di-Persekutuan Tanah Melayu telah menguchapkan tahniah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pada hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda baharu2 ini.

Perutusan itu berbunyi bahawa Pemerentah Pasokan Askar Melayu Brunei dan semua anggota Pasokan Askar Melayu Brunei di-Persekutuan Tanah Melayu bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala pada Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda dan berdo'a ka-hadizat Allah sa-moga Allah melanjutkan usia Baginda dengan bertambah2 daulat.



Satu pemandangan orang ramai yang menyaksikan pemerakan2 kereta berhias dan tanglong berjalan kaki di-Kuala Belait pada masa di-adakan sambutan perayaan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia.

Ra'ayat Yang Ta'at Setia Sokong Melayu Raya — Kata Menteri Besar

**MENGHADHIRI
PERSIDANGAN
JURU2 HEBAH**

BANDAR BRUNEI.—Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei berkata bahawa perkembangan politik di-Negeri Brunei sejak tamat-nya peperangan Dunia yang ke-2 ada-lah sangat pesat dan mendatangkan kemajuan politik bagi Brunei Darul-Salam.

Dato Setia Marsal telah berucap dalam satu istiadat menyampaikan ucapan tahniah bagi menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei. Istiadat telah di-adakan di-Balai Pasiban Agong, Istana Darul Hana pada 23 September lepas.

Menteri Besar itu berkata, "perkembangan2 yang terjadi sejak tuanku memegang tajok pemerintahan negeri ini sangat-lah banyak, bukan saja dari segi kemajuan yang biasa terdapat di-mana2 negeri mengikut keadaan kemajuan zaman, tetapi juga dari segi2 perkembangan politik, ekonomi dan dari segi masyarakat umum-nya.

PERKEMBANGAN POLITIK

"Perkembangan politik di-Brunei ini muncul sejak sa-lepas peperangan Dunia yang ke-2 dengan pesat dan menda-tangkan kemajuan bagi Brunei Darul-Salam.

"Dalam tempoh pentadbiran Duli Yang Maha Mulia tuanku, bukan hanya berbagai2 chorak hidup dan perubahan politik te-lah di-tempoh oleh ra'ayat Duli tuanku, tetapi juga perubahan2 besar yang mengenai pentadbiran negara.

"Sa-buah perlembagaan yang bertulis yang mengubah chorak pentadbiran telah terchapai da-lam akhir tahun 1959 dan baha-ru2 ini sa-langkah lagi chorak pentadbiran telah dapat di-chapai, ia-itu satu pemilehan raya yang pertama dalam sejarah Bru-nei telah di-langsungkan dengan hin dan terator."

Dato Setia Marsal kemudian telah menganalisa perkembangan dalam jurusan ekonomi yang di-chapai oleh Brunei sejak Duli Yang Maha Mulia menduduki tahta Kerajaan 12 tahun dahulu.

Dato Setia Marsal berkata ba-hawa perkembangan ekonomi ada-lah dapat di-lihat dari masa ka-masa yang mana ka-semua-nya ada-lah menunjukkan keba-jikan dan kebahagiaan bagi ne-geri dan seluruh ra'ayat.

Hasil yang terbesar bagi kema'amoran Negeri Brunei

ada-lah dari pengeluaran mi-nyak di-Seria dan sa-bagai-mana telah di-fahami hasil ini telah berkurangan dari tahun ka-satahun, dan sudah tentu-lah akan menyebabkan juga kekurangan pendapatan negeri dalam menjalankan serba usa-ha perkembangan dan pentad-biran negeri, tegas Menteri Besar itu.

"Tetapi," sambong Dato Setia itu lagi, "hal ini ada-lah di-sedari dan Kerajaan telah pun bersedia untuk mengha-dapi kerumitan2 walau pun tidak begitu besar akibat-nya kepada negeri ini.

"Beberapa orang pakar ekono-mi dari badan2 yang mewakili Bangsa2 Bersatu telah pun dapat di-datangkan ka-Brunei untuk menyiasat kemungkinan2 bagi menghadapi kemajuan2 ekonomi yan akan meliputi perkemban-gan2 dalam segi perusahaan2 pertanian dan dalam perhubo-ngan dan pelabohan yang akan dapat di-gunakan bagi kema-juan2 dalam segi sosial juga ada-lah sa-makin bertamabah baik dan bertambah kemajuan-nya yang boleh mendatangkan fa'edah bagi seluruh ra'ayat. Sa-hingga masa ini sekolah2 di-seluruh negeri te-lah berkembang baik dan sa-makin ramai penuntut2-nya dari tahun2 yang lampau."

KERA'AYATAN

Mengenai kera'ayatan, pula Menteri Besar itu telah mene-rangkan bahawa sejak pene-tapan chorak untuk membole-hkan orang2 menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia, sa-jumlah 813 orang telah men-jadi ra'ayat dengan jalan pen-daftaran dan 179 orang dengan jalan penuangan.

Bersangkutan dengan rancha-ngan Melayu Raya pula Dato

Setia Marsal menjelaskan baha-wa dengan perkembangan politik baharu di-Asia Tenggara yang bersangkutan dengan ranchangan tersebut Duli Yang Maha Mulia telah pun menerima ranchangan itu pada dasar-nya.

Yang Amat Berhormat berkata bahawa seluruh ra'ayat yang mengakui penoh ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia dan ne-geri ini, ada-lah menyokong dan menjunjung akan titah peneri-maan ranchangan Melayu Raya pada dasar-nya itu.

"Kalau pun terdapat ada yang menentang-nya, maka itu harus-lah datang dari golongan yang ingkar dari sumpah ta'at setia-nya," tegas Dato Setia Marsal sa-lanjut-nya.

BERAKAS. — Empat orang pegawai2 kanan dari Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada petang hari Sabtu yang lalu untuk menghadiri persidangan juru2 hebah sa-lama tiga hari.

Mereka ia-lah Timbalan Pen-garah Siaran Radio dan Pene-rangan, Inche M. Salleh bin Kadir; Ketua Jurutera, Inche Michael Chen; Ketua Rancha-ngan, Inche Vince Krijisman dan Pegawai Siaran Radio dan Pene-rangan bagi Daerah Brunei, Pe-ngiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Rombongan tersebut di-ke-tuai oleh Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan.

Keputusan Peraduan2 Perarakan

KUALA BELAIT. — Keputusan peraduan2 perarakan kereta berhias dan perarakan tanglong berjalan kaki yang telah di-adakan di-Kuala Belait pada malam 24 September dalam acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti di-bawah ini:

Perarakan kereta berhias: 1. Maktab Anthony Abell, Seria. 2. Persatuan Hakka, Kuala Belait. 3. Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait. 4. Pasokan Pegawai2 Ke-rajaan, Kuala Belait. 5. Kastam Di-raja, Kuala Belait dan 6. Polis Kuala Belait.

Perarakan tanglong berjalan kaki (sekolah2): 1. Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. 2. Sekolah Melayu Ahmad Ta-juddin, Kuala Belait. 3. Maktab Anthony Abell, Seria. 4. Sekolah Saint Michael, Seria. 5. Sekolah Menengah Chung Ching, Seria dan 6. Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait.


Perarakan tanglong berjalan kaki (pasokan2 orang ramai, jabatan2 kerajaan dan lain2-nya): 1. Persatuan Kejuruteraan China, Seria. 2. Ikatan Nelayan Kampung Sungai Taraban, Kuala Belait. 3. Polis Kuala Belait. 4. Pasokan Pegawai2 Kerajaan, Kuala Belait. 5. Kampung Sungai Liang dan 6. Pasokan Kawasan Jalan Seria.

BERLATEH DI-SINGAPURA

BERAKAS. — Tujuh orang anggota Radio Brunei telah ber-lepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 25 Septem-ber untuk berlateh sa-lama enam bulan di-Radio Singapura.

Mereka ia-lah Inche Arpan bin Mohamed, Inche Suhaimi bin Awang Besar, Inche Mirhassan bin Abu Bakar, Dayangku Ma-riam binti Pengiran Metali, In-che Adnan bin Haji Hassan, In-che Abdul Wahab bin Mohamed dan Inche Lim Kah Teong.

Di-bawah satu ranchangan latehan untuk menambahkan ke-cheapan Perkhidmatan Siaran Radio dan Penerangan di-Negeri Brunei, maka Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei berharap akan dapat mengirim-kan anggota2-nya yang chende-rong dalam berbagai2 lapangan untuk menghadhiri kursus di-luar negeri dari masa ka-samasa.



Dalam gambar2 ini kelihatan tiga buah pintu2 gerbang yang telah berjaya dalam peraduan pintu2 gerbang pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Kuala Belait baharu2 ini. Gambar kiri sa-kali — pintu gerbang Persatuan Bumi Putera Belait. Gambar tengah — pintu gerbang Kaum China, Kuala Belait. Gambar kanan sa-kali — pintu gerbang Kaum India, Kuala Belait.

PESUROH JAYA TINGGI INGERIS MENGUCHAPKAN TAHNIAH KAPADA DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Sir Denis White berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bukan sahaja sa-bagai sa-orang Sultan bahkan juga sa-bagai sa-orang pemimpin Ugama Islam. Baginda sa-bagai sa-orang suami dan sa-orang bapa yang telah membentok satu tauladan untuk ra'ayat bagi memperkuatkan tali perhubungan di-antara ra'ayat dengan tahta.

Sir Denis berkata demikian dalam satu ucapan tahniah bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang ke-46, di-Balai Pasiban Agong, Istana Darul Hana, pada 23 September lepas.

Hari keputeraan Duli Baginda, kata Sir Denis, ada-lah berupa satu ketika untuk bersuka ria dan juga bagi menunjukkan ta'at setia dan kaseh mesera ra'ayat Brunei kepada Sultan mereka.

Kata Pesuroh Jaya Tinggi itu lagi bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah berjaya memikul bebanan pertadbiran dan sekarang Brunei sedang maju kahadapan ka-arrah jalan yang sama yang di-ambil oleh negeri2 dan wilayah2 di-bawah pemerintah baginda Queen beberapa tahun yang lampau.

"Bahawasa-nya negeri2 dan wilayah2 ini sekarang menjadi ahli2 bebas. Di-dalam golongan Commonwealth sangat-lah mengembarakan kami sekalian dan ada-lah berupa satu kejayaan yang telah dapat di-chapai bagi memenohkan dasar yang telah di-ikuti sa-lama ini," tegas beliau.

Kata beliau sa-lanjut-nya :

Peranan Inggeris dalam Commonwealth bukan lagi untuk menjajah atau memerintah bahkan untuk membawa negeri2 dan wilayah2 ka-arrah kemerdekaan yang penuh dengan sa-berapa segera yang di-anggap baik dan selamat untuk berbuat demikian.

Di-samping itu peranan Inggeris juga ia-lah memberi bantuan dan sokongan antara sahabat dengan sahabat, sama ada berupa tentera dalam masa dharurat atau yang berupa kewangan untuk meninggikan taraf hidup negeri2 yang miskin atau kurang maju.

Sa-lain dari itu kemudahan2 pelajaran seperti university, maktab2 dan sekolah2 atau sama ada dengan jalan mengadakan kaki tangan teknikal yang berkelayakan untuk melateh pekerja2 tempatan atau untuk mengisikan kekosongan sa-hingga pekerja2 tempatan di-perolehi kelak, boleh-lah kami pikul dengan perasaan bangga.

Mengenai ranchangan Melayu Raya Sir Denis telah mengalu2kan pembentokan-nya dan mengatakan keperchayaan penuh Ba-

ginda Queen tentang jaminan ranchangan tersebut untuk ketenteraman politik dan iktisad.

"Kerajaan Baginda Queen sa-sungguh-nya memperchayai bahawa pembentokan Melayu Raya akan menjamin ketenteraman politik dan iktisad kerana dengan tidak ketenteraman sa-demikian neschaya tipis-lah harapan bagi negeri2 yang kecil untuk hidup dalam aman dan ma'amor di-dunia modern ini.

"Saya perchaya bahawa keputusan Brunei hanya akan di-buat sa-lepas memberi pertimbangan yang teliti," tegas beliau.

Dalam menyudahi ucapan, Sir Denis mempunyai keperchayaan bahawa Sultan ada-lah merupakan sauh yang akan menetapkan bahtera negeri Brunei sa-bagaimana ra'ayat Inggeris menganggap Baginda Queen terhadap negeri England.

PARAJURIT2 BALEK BERCHUTI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 21 orang Askar Melayu Brunei dari rombongan yang pertama telah balek ka-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada 18 September untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Turut balek ka-Brunei bersama2 dengan askar2 tersebut kerana keuzoran ia-lah Sabtu bin Kota, sa-orang rekrut pasokan Askar Melayu Brunei.

Mereka telah di-sambut dengan meriah-nya oleh beratus2 orang keluarga dan sahabat handai ketika mereka tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja di-sini dari Labuan.

Parajurit2 tersebut di-jangka balek ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan latihan di-Perkhemahan Singting di-Melaka pada 15 Oktober.

PERSATUAN ASTERAWANI DI-LAHIRKAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persatuan sastrawan dan sastrawani telah di-tubuhkan di-Negeri Brunei baharu2 ini. Persatuan itu ada-lah di-kenali dengan nama PERSATUAN ASTERAWANI, dan pendaftaran-nya telah pun di-luluskan oleh pehak yang berkuasa pada 18 July, 1962.

Persatuan itu ada-lah terbuka kepada ra'ayat Brunei lelaki dan perempuan, dari segala bangsa yang berumur 16 tahun ka-atas.

Dasar utama persatuan tersebut ia-lah :

- ◆ Untuk menyatukan peminat2 sastera yang kini kian berkembang di-Brunei dan akan mengabadikan sastera ibunda sa-bagai pusaka turun temurun di-negeri ini.

- ◆ Mengusahakan dan membongkar lambaran kebudayaan negeri ini supaya hidup di-tengah2 masyarakat umum.

- ◆ Meninggikan nilai kesenian Melayu negeri ini dan memperkenalkan kepada umum.

- ◆ Mengusahakan kemajuan2

sosial pemuda pemudi untuk kemajuan bangsa dan negeri serta menjaga dengan kukuh adat2 timor asli.

- ◆ Menyatukan peminat2 olah raga dan permainan untuk kemajuan bangsa dan negeri.

Sa-bagai salah satu kejayaan-nya, Persatuan Asterawani itu telah pun menerbitkan sa-buah majallah mengandongi cherita2 pendek, sajak, makalah dan lain2-nya.

Orang ramai yang sudi hendak menyumbangkan tenaga mereka

terhadap penerbitan majallah tersebut ada-lah di-persilakan supaya mengirim buah2-pena masing2 kepada Pengarang, Asterawani Brunei, Peti Surat 345, Brunei.

Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Asterawani Brunei ia-lah :

Yang Dipertua — Chegu Abdul Samad bin Abdul Kahar dan Naib Yang Dipertua — Chegu Liman Ahmad.

Setia Usaha I — Chegu Ahmad Husain dan Setia Usaha II — Chegu Mohamed Zain bin Haji Mohiddin.

Penyimpan Amanah I — Chegu Abdul Rahim Abdullah dan Penyimpan Amanah II — Chegu Muhammad Abdul Latif.

Setia Usaha Penerangan dan Sosial — Inche Adi Abdullah. Setia Usaha Persuratan (Sastera) — Inche Muslim Burmat, Setia Usaha Kebudayaan — Chegu Kasim Abu Bakar. Setia Usaha Derama — Chegu Ghafar Jumaat dan Setia Usaha Sukan — Chegu Masni Husain.

Pemereksa Kira2 — Inche Mahadi Metarsad dan Inche Ahmad Sulaiman.

Menurut keterangan Setia Usaha I, ra'ayat Brunei yang sudi hendak menjadi ahli Persatuan Asterawani itu di-persilakan berhubung dengan beliau di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan borang masuk menjadi ahli akan di-kirimkan kepada pemohon.


Sharat2-nya ia-lah : Tiap2 pemohon hendak-lah chenderong dalam salah satu daripada lima dasar Persatuan Asterawani sa-bagai mana yang kita siarkan dalam berita ini. Yuran bulanan sa-orang ahli ia-lah 50 sen dan bayaran masuk menjadi ahli ia-lah dua ringgit.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan dalam gambar sa-belah kiri sedang mengurniakan Bintang S.M.B. (Darjah Ketiga) kepada Doktor C. J. De Silver di-Istana Darul Hana pada Hari Puja Usia Baginda baharu2 ini. Dalam gambar sa-belah kanan pula kelihatan Baginda sedang menerima sa-buah chenderamata mengandongi ucapan tahniah daripada Kaum China di-Kuala Belait di-majlis tersebut.

DYMM Rasmikan Perlumbaan Perahu

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan temasha perlumbaan perahu di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi 24 September. Temasha itu di-adakan sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini pada masa Baginda sedang berangkat dari Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei saat Baginda merasmikan pembukaan perlumbaan perahu pada 24 September.

Dalam upacara tersebut juga, Duli Yang Maha Mulia telah memereksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari Pegawai2 serta anak2 kapal Jabatan Laut Brunei.

Baginda telah di-sambut ketika tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja oleh Pegawai Laut Negara Brunei, Kapitan E.H. Muton.

Perlumbaan perahu itu telah di-adakan di-Sungai Brunei dan di-saksikan oleh beribu2 orang.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman telah menyampaikan hadiah2 kepada

pemenang2 dalam perlumbaan perahu tersebut.

Jabatan Laut Brunei telah berjaya menjadi johan dalam perlumbaan perahu 15 orang di-antara Pejabat2 Kerajaan. Perahu itu di-kemudikan oleh Kapitan Awang bin Dollar.

Ini-lah tahun yang ke-tiga Jabatan Laut Brunei memenangi Perisai Persharikatan Brunei

Lighterage yang di-hadiahkan untuk pasokan yang menang dalam perlumbaan di-antara Pejabat2 Kerajaan semenjak tahun 1959.

Jabatan Laut Brunei telah memenangi perisai tersebut dalam tahun 1959 dan 1960 serta tahun ini. Dalam tahun 1961 perisai itu telah di-menangi oleh Pulis Brunei.

Lain2 keputusan perlumbaan perahu itu ada-lah saperti dibawah ini:

Lumba perahu 5 orang: 1. Chahaya Memanchar. 2. Sri Tamoi. 3. Raja Walli.

Lumba perahu 15 orang: 1. Sri Rantau. 2. Suroi Laut. 3. Sri Siarau.

Lumba perahu 20 orang: 1. Sri Rantau. 2. Suroi Laut. 3. Sri Siarau.

Lumba perahu 10 orang: 1. Lang Laut. 2. Raja Walli. 3. Suroi Laut.

Lumba perahu 15 orang: 1. Sri Rantau. 2. Lang Laut. 3. Siti Muslihat.

Lumba perahu 20 orang: 1. Berusak Laut. 2. Sri Rantau. 3. Tara Tara.

Lumba perahu 30 orang: 1. Awan Berlari. 2. Raja Wali dan 3. Tadong Lichin.

IKATAN PEMUDA MENANG

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Ikatan Pemuda kumpulan A-2 telah berjaya menyangkal gelaran johan bagi Negeri Brunei dengan memenangi dua perisai rebutan tahunan hadiah dari Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassan Bolkiah dan dari Persatuan Guru2 Melayu Brunei dalam satu peraduan akhir sipak raga-jaring.

Perlawanan telah di-langsungkan di-belakang bangunan Pejabat2 Kerajaan, di-Bandar Brunei pada petang 24 September lepas.

Gelaran naib johan dalam bahagian "A" itu telah di-sandang oleh Pasokan Ikatan Pemuda kumpulan A-1.

Dalam bahagian "B" pula, Pasokan Ikatan Pemuda kumpulan B-2 telah berjaya menyangkal gelaran Johan dan memenangi perisai rebutan tahunan hadiah daripada Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, manakala naib johan-nya ia-lah Pasokan Ikatan Pemuda kumpulan B-1.

Peraduan sipak raga-jaring anjoran Persatuan Guru2 Melayu Brunei itu ada-lah julong2 kali di-adakan di-negeri ini bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang ke-46.

PERTANDINGAN SUKAN SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Akhir sukan di-antara sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada "Hari Ulang Tahun Pemashhoran Perlembagaan Negeri Brunei", ia-itu pada 29 September, 1962.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman telah membuka temasha sukan itu dengan rasmi-nya.

Temasha itu di-mulai pada pukul 1.30 petang dengan mengadakan senaman ramai oleh murid2 lelaki dan perempuan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Sa-lepas itu peserta2 yang mengambil bahagian dalam temasha itu berbaris dengan chergas di-keliling padang sambil memberikan tabek kehormatan kepada Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes pada masa mereka melalui di-hadapan beliau.

Sa-baik sahaja selesai upacara tersebut, satu upacara melarikan Bendera Johan Sukan Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei keliling padang di-adakan. Kemudian Bendera itu di-serahkan kepada Pemangku Pegawai Pelajaran Ne-

gara untuk di-sampaikan kepada Pengawas Pasokan.

Achara sa-terus-nya ia-lah membaca Ikrar Sukan oleh para peserta dan Bendera Johan Sukan Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei di-naikkan.

Sa-lepas itu Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei pun merasmikan pembukaan temasha sukan itu.

Keputusan pertandingan tersebut ia-lah: Pertama — sekolah2 Melayu Daerah Belait. Kedua — sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu. Ketiga — sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua. Keempat — sekolah2 Melayu Daerah Tutong dan kelima — sekolah2 Melayu Daerah Temburong.

Hadiah2 di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes.



Gambar ramai ahli2 Pasokan Hokey Negeri Brunei yang telah memenangi gelaran kejohanan hokey di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara baharu2 ini.

HOKEY:

BRUNEI BERJAYA

SERIA. — Pasokan Hokey Negeri Brunei telah berjaya memenangi Perisai D.C. White yang di-hadiahkan oleh Pesuruh Jaya Tingi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White dalam pertandingan hokey untuk merebutkan gelaran kejohanan hokey di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah.

Pertandingan itu telah di-adakan di-padang Shell Recreation Club, Seria, baharu2 ini dan di-saksikan oleh ramai penggemar permainan hokey.

Ini-lah tahun yang pertama di-adakan pertandingan hokey sedemikian.


Pertandingan itu akan di-adakan di-Sabah dalam tahun hadapan, di-Negeri Sarawak dalam tahun 1964 dan seterusnya bergilir2 pada tiap2 tahun di-negeri2

tersebut.

Dalam pertandingan tersebut Pasokan Hokey Negeri Brunei telah mengalahkan Pasokan Hokey Negeri Sarawak dengan 5 gol berbalas satu dan Pasokan Hokey Sabah dengan 7 gol berbalas 2.

Perisai berharga itu telah di-sampaikan oleh Yang Terutama Sir Dennis White kepada Lawrence Carrier, Kapitan Pasokan Hokey Negeri Brunei.

PERAYAAN HARI PUJA USIA D.Y.M.M. DI-KUALA BELAIT



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar di-sabelah kiri sa-kali sedang memereksa perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-padang besar Kuala Belait pada 24 September. Gambar tengah ia-lah pintu gerbang yang di-bangunkan oleh Pegawai2 Kerajaan di-Kuala Belait yang telah mendapat hadiah yang ke-dua dalam peraduan pintu gerbang dan gambar kanan sa-kali ia-lah Pasokan Maktab Anthony Abell Seria yang telah mendapat hadiah yang pertama dalam peraduan kereta2 berhias di-Daerah Belait.

PERAKAKAN KERETA2 BERHIAS:

HADIAH PERTAMA DI-MENANGI OLEH WOKSHOP J. K. R.

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya Bahagian Wokshop telah berjaya memenangi gelaran yang pertama dalam peraduan perarakan kereta berhias yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 23 September sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Hadiah yang ke-dua dalam peraduan perarakan tersebut dimenangi oleh Jabatan Ukur dan di-turuti oleh Persatuan Bunyian Kong Seng.

Dalam peraduan perarakan kereta berhias yang telah di-adakan pada petang hari tersebut, Dewan Perniagaan China telah mendapat hadiah yang pertama, Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan telah mendapat hadiah yang kedua dan Jabatan Ukur mendapat hadiah yang ketiga.

Tuan Haji Suhaili bin Haji Bakar telah mendapat gelaran pertama dalam peraduan perarakan basikal berhias yang telah di-adakan pada petang hari tersebut, manakala Tuan Haji Tuah bin Haji Bakar pula mendapat hadiah yang kedua dalam peraduan perarakan basikal berhias.

Keputusan peraduan perarakan tanglong berjalan kaki adalah seperti di-bawah ini:

Bahagian Sekolah2 Rendah Lelaki dan Perempuan: 1. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (Lelaki). 2. Sekolah Chung Hwa (Perempuan). 3. Sekolah Melayu Lela Menchanai (Lelaki). Sagu Hati — Sekolah Saint George (Lelaki dan


Perempuan), Sekolah Melayu Berakas (Lelaki), Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (Perempuan) dan Sekolah Melayu Berakas (Perempuan).

Bahagian Sekolah2 Tinggi Perempuan: 1. Sekolah Tinggi Pe-

empuan Raja Isteri. 2. Sekolah Melayu S.M.J.A. dan 3. Sekolah Chung Hwa.

Bahagian Orang2 Dewasa, Kampong2, Persatuan2 dan Sekolah Tinggi Lelaki: 1. Maktab Perguruan Melayu Brunei. 2. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. 3. Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, Brunei. Hadiah2 Sagu Hati — Sekolah Chung Hwa, Sekolah Saint Andrews, Sekolah Melayu S.M.J.A. dan Kampong Salam Bigar.

"ANGKASAWAN" MENERIMA HADIAH



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada "sa-orang angkasawan" dari pasokan Maktab Anthony Abell Seria pada masa di-adakan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Kuala Belait baharu2 ini.


Perjumpaan Pengakap2

SERIA. — Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei telah menyampaikan Sijil2 Pengakap dalam satu temasha perjumpaan Pengakap2 Darat, Laut dan Rover serta Anak2 Serigala dan Pandu2 Puteri di-kawasan Rumah Pengakap di-Seria pada petang hari Jumaat yang lalu:

Turut hadir di-temasha itu ia-lah Penolong Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Mohamed Salleh; Pengarah Umum Shariat Minyak Shell Brunei, Yang Berhormat Inche P.M. Linton dan beberapa orang Pegawai Kerajaan.

Dalam upacara tersebut Yang Terutama Sir Dennis White telah menyampaikan Sijil Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei kepada Inche P.A. Coates; Kalong "Wood Badge" kepada Inc Foo Kia Inn, Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, Pingat Pengakap Baginda Queen kepada delapan orang Pengakap serta hadiah2 yang lain kepada beberapa orang Pengakap.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Pengakap2 dari seluruh Negeri Brunei akan mengadakan satu temasha perkhemahan di-Perkhemahan Pengakap di-pantai Jerudong dalam bulan December akan datang.



Beribu2 orang telah menyaksikan perarakan kereta berhias dan perarakan tanglong berjalan kaki yang telah di-adakan di Kuala Belait pada malam 24 September sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia. Dalam gambar2 ini kelihatan tiga daripada berpuluh2 buah pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut. Gambar kiri sa-kali ia-lah pasokan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Gambar tengah ia-lah pasokan Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait. Gambar kanan sa-kali ia-lah pasokan Kastam Di-Raja, Kuala Belait.